

**KESEDIAAN GURU SEKOLAH RENDAH
DALAM PENGAJARAN SEJARAH KURIKULUM
STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR):
SATU TINJAUAN**

DULLAH BIN YUTE



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2015

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: KESEDIAAN GURU SEKOLAH RENDAH DALAM PENGAJARAN SEJARAH
KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR): SATU TINDAKAN

IJAZAH: SARJANA PENDIDIKAN

Saya Dullah Bin Yute, Sesi Pengajian 2013-2015, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis in sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/


TIDAK TERHAD




(Tandatangan Penulis)

Tarikh: 18 Ogos 2015

Disahkan Oleh
NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN



(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Abdul Said Bin Ambotang)
Penyelia

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana ini adalah hasil usaha saya sendiri (dengan keizinan Allah SWT), kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

18 OGOS 2015


.....
DULLAH BIN YUTE
MT1221021T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **DULLAH BIN YUTE**

NO MATRIK : **MT1221021T**

TAJUK : **KESEDIAAN GURU SEKOLAH RENDAH DALAM
PENGAJARAN SEJARAH KURIKULUM STANDARD
SEKOLAH RENDAH (KSSR): SATU TINJAUAN**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN
(KURIKULUM DAN PENDIDIKAN)**

TARIKH VIVA : **22 JUN 2015**




DISAHKAN OLEH
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENYELIA

Dr Abdul Said Ambotang

Tandatangan


DR ABDUL SAID AMBOTANG
Pensyarah Kanan
Fakulti Psikologi Dan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjat ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan Tesis Sarjana Pendidikan ini sebagai memenuhi syarat universiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Dengan Kepujian.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih tak terhingga kepada penyelia saya ini iaitu Dr. Hj. Abdul Said Ambotang di atas segala bantuan dan tunjuk ajar beliau dalam saya menyiapkan tesis ini. Tidak lupa buat ibu saya yang dicintai iaitu Puan Norkasiah Talib dan isteri saya Rosdiana Binti Iskandar serta adik-beradik saya yang banyak memberikan sumbangan daripada segi material, nasihat dan galakan kepada saya.

Selain itu, ucapan terima kasih saya tujuhan kepada rakan seperjuangan dan semua pensyarah yang terlibat kerana banyak memberi pandangan dan bantuan teknikal. Akhir sekali setinggi ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini. Jasa dan budi baik kalian semua amat saya hargai.

DULLAH YUTE

18 JANUARI 2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan para guru sekolah rendah terhadap perlaksanaan pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah. Ini selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mewajibkan pengajaran Sejarah bermula pada tahun 2014 dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2016. Kajian ini memberi fokus kepada lima aspek utama meliputi aspek pengetahuan, kemahiran, pengalaman, sikap dan minat guru. Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif menggunakan reka bentuk tinjauan dengan melibatkan 52 buah sekolah rendah yang dipilih secara rawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian ialah 326 orang guru yang dipilih secara rawak di daerah Tawau, Sabah. Alat kajian yang digunakan adalah borang soal selidik dan pemerhatian. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan *Statiscal Package For Social Science* (SPSS) versi 21. Data deskriptif ditunjukkan dalam bentuk frekuensi, peratus dan min manakala analisis statistik inferens iaitu ujian t, ANOVA sebalas dan korelasi *pearson* digunakan untuk menguji hipotesis nul kajian pada aras signifikan $p < 0.05$. Dapatkan kajian menunjukkan kesediaan guru berada pada tahap yang tinggi untuk semua aspek yang dikaji. Analisis Ujian-t aspek kesediaan guru tidak menunjukkan perbezaan min yang signifikan mengikut jantina dan kedudukan sekolah, tetapi berbeza secara signifikan mengikut jenis sekolah. Ujian ANOVA aspek kesediaan guru tidak menunjukkan perbezaan min yang signifikan mengikut pengalaman mengajar tetapi berbeza secara signifikan mengikut umur, bangsa dan kelayakan akademik. Analisis korelasi *pearson* pula menunjukkan terdapat hubungan sederhana kuat dan signifikan antara keempat-empat aspek dengan tahap kesediaan guru. Melalui korelasi *pearson* juga menunjukkan terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara kemahiran dan sikap guru terhadap pengajaran Sejarah di sekolah rendah.

ABSTRACT

KESEDIAAN GURU SEKOLAH RENDAH DALAM PENGAJARAN SEJARAH KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR): SATU TINJAUAN

This research intended to identify the level of primary school teachers' preparedness towards the implementation of the teaching History which is starting from the year of 2014 and will be fully implemented in 2016. This is in line with the Primary School Standard Curriculum (KSSR). This study focused on five main aspects including knowledge, skill, experience, attitude and interest were used as the main focus in this research. This is a descriptive research using a survey research design involving 52 primary schools which were chosen randomly. This research used quantitative approach. A number of 326 teachers were chosen in Tawau district and a set of questionnaire and observation were used as instruments. The data collected was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 21. Descriptive data were presented in frequency, percentage and mean, while inference statistic analysis such t – test, one way ANOVA and Pearson correlation at the significant level of $p < 0.05$, were used to analyses the null hypothesis. The findings showed that teacher's preparedness was at a high level for all of the five aspects. The result of t -test showed that there is no significant difference of teacher's preparedness by gender and the location of the school, but differs significantly by type of school. The result of ANOVA test indicates that there is no different of teacher's preparedness according to the experience of teaching nonetheless differs significantly by age, ethic and academic qualification. The analysis of Pearson correlation showed that there was a moderately strong and significant correlation among the four aspects of teacher's preparedness. Through Pearson correlation, it was also showed that there was a strong and significant correlation between skill and teacher's attitude towards the teaching of History at the primary school.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xxi
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Persoalan Kajian	19
1.6 Hipotesis Kajian	20
1.7 Kepentingan Kajian	21
1.8 Skop Kajian	23
1.9 Definisi Operasional	23

1.10	Kerangka Konseptual Kajian	27
1.11	Kesimpulan	28

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	29
2.2	Dasar Pendidikan Kebangsaan	29
2.2.1	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	30
2.2.2	Standard Guru Malaysia (SGM)	32
2.2.3	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	35
2.3	Latar Belakang Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah	37
2.3.1	Pendidikan Sejarah dalam KSSR	40
2.3.2	Objektif Pendidikan Sejarah KSSR	43
2.4	Isu dan Perkembangan Pelaksanaan Mata Pelajaran Sejarah	44
2.5	Teori-teori Kajian	50
2.5.1	Teori-teori Kesediaan	50
2.5.2	Kesediaan Guru dari Segi Pengetahuan	56
2.5.3	Kesediaan Guru dari Segi Kemahiran	58
2.5.4	Kesediaan Guru dari Segi Sikap	60
2.5.5	Kesediaan Guru dari Segi Minat	64
2.5.6	Teori Pengajaran Bruner	65
2.5.7	Teori Konstruktivisme	67
2.6	Kajian-kajian Lepas	71
2.7	Kesimpulan	74

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	76
3.2	Reka Bentuk Kajian	76
3.3	Lokasi Kajian	78
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	79
3.5	Instrumen Kajian	83
	3.5.1 Borang Soal Selidik	84
3.6	Prosedur Kajian	86
3.7	Analisis Data Kajian	87
	3.7.1 Skala Likert	87
	3.7.2 Statistik Deskriptif	88
	3.7.3 Statistik Inferens	88
3.8	Kajian Rintis	91
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	91
3.10	Kesimpulan	93

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	94
4.2	Maklumat Responden	94
	4.2.1 Maklumat Jantina	95
	4.2.2 Maklumat Etnik	96
	4.2.3 Maklumat Umur	97
	4.2.4 Maklumat Jenis Sekolah	98
	4.2.5 Maklumat Kedudukan Sekolah	99

4.2.6	Maklumat Kelayakan Akademik	100
4.2.7	Maklumat Pengalaman Mengajar	101
4.3.	Min dan Sisihan Piawai Demografi Responden	102
4.3.1	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Jantina	102
4.3.2	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Bangsa	102
4.3.3	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Umur	103
4.3.4	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Jenis Sekolah	104
4.3.5	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Kedudukan Sekolah	105
4.3.6	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Kelayakan Akademik	105
4.3.7	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Pengalaman Mengajar	106
4.4	Min dan Sisihan Piawai Aspek Kesediaan	107
4.4.1	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Aspek Pengetahuan	107
4.4.2	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Aspek Kemahiran	108
4.4.3	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Aspek Sikap	109
4.4.4	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Aspek Minat	110
4.4.5	Min dan Sisihan Piawai Mengikut Aspek Kesediaan	111
4.5.	Pengujian Hipotesis Kajian	112
4.5.1	Hipotesis Kajian H_{01}	112
4.5.2	Hipotesis Kajian H_{02}	113
4.5.3	Hipotesis Kajian H_{03}	115
4.5.4	Hipotesis Kajian H_{04}	116
4.5.5	Hipotesis Kajian H_{05}	117
4.5.6	Hipotesis Kajian H_{06}	118

4.5.7	Hipotesis Kajian H ₀₇	120
4.5.8	Hipotesis Kajian H ₀₈	121
4.5.9	Hipotesis Kajian H ₀₉	122
4.5.10	Hipotesis Kajian H ₁₀	123
4.5.11	Hipotesis Kajian H ₁₁	123
4.6.	Kolerasi untuk Semua Aspek Kajian	124
4.7	Kesimpulan	121

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	126
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	126
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	128
5.3.1	Tahap Kesediaan Guru Mengajar Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah Berdasarkan Jantina	128
5.3.2	Tahap Kesediaan Guru Mengajar MataPelajaran Sejarah di Sekolah Rendah Berdasarkan Umur	129
5.3.3	Tahap Kesediaan Guru Mengajar Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah Berdasarkan Bangsa	130
5.3.4	Tahap Kesediaan Guru Mengajar Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah Berdasarkan Jenis Sekolah	131
5.3.5	Tahap Kesediaan Guru Mengajar Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah Berdasarkan Kedudukan Sekolah	134
5.3.6	Tahap Kesediaan Guru Mengajar Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah Berdasarkan Pengalaman Mengajar	135
5.3.7	Tahap Kesediaan Guru Mengajar Mata Pelajaran Sejarah	136

di Sekolah Rendah Berdasarkan Kelayakan Akademik	
5.3.8 Hubungan Antara Aspek Pengetahuan Dengan Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah	137
5.3.9 Hubungan Antara Aspek Kemahiran dengan Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah	139
5.3.10 Hubungan Antara Aspek Sikap Dengan Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah	140
5.3.11 Hubungan Antara Minat Dengan Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah	142
5.4 Implikasi Kajian	143
5.4.1 Implikasi Terhadap Pengamalan	143
5.5 Cadangan	148
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	151
5.7 Kesimpulan dan Penutup	153
RUJUKAN / BIBLIOGRAFI	154
LAMPIRAN	170

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 1.3.1: Peruntukan Masa Mata Pelajaran Sejarah Tahap II KSSR 2016	12
Jadual 1.3.2: Pencapaian Murid bagi Mata Pelajaran Sejarah dalam Komponen Alam dan Manusia Mengikut Jenis Sekolah	16
Jadual 2.5.1: Tahap Kesediaan	51
Jadual 2.5.2: Komponen Utama Kesediaan	52
Jadual 3.4.1: Statistik Guru Lelaki dan Wanita Bagi Sekolah Rendah 2013	80
Jadual 3.4.2: Statistik Guru dan Sekolah Bagi Sekolah Rendah 2013	80
Jadual 3.4.3: Sekolah Rendah 2013	80
Jadual 3.4.4: Saiz Sampel (S) Berdasarkan Jumlah populasi (N)	82
Jadual 3.5.1: Pembahagian Soalan Mengikut Aspek	85
Jadual 3.7.1: Skala Likert Pengukuran untuk Tahap Persetujuan	87
Jadual 3.7.2: Interpretasi Skor Min untuk Tahap Persetujuan	88
Jadual 3.7.3: Julat Korelasi `r' Pearson	89
Jadual 3.7.4: Analisis Statistik untuk Setiap Hipotesis	89
Jadual 3.9.1: Tahap Kebolehpercayaan Borang Soal Selidik	92
Jadual 4.2.1: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Jantina	95
Jadual 4.2.2: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Etnik	96
Jadual 4.2.3: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Umur	97
Jadual 4.2.4: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Jenis Sekolah	98

Jadual 4.2.5: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Kedudukan Sekolah	99
Jadual 4.2.6: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Kelayakan Akademik	100
Jadual 4.2.7: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Pengalaman Mengajar	101
Jadual 4.3.1: Min dan Sisihan Piawai Mengikut Jantina	102
Jadual 4.3.2: Min dan Sisihan Piawai Mengikut Etnik	102
Jadual 4.3.3: Min dan Sisihan Piawai Mengikut Umur	103
Jadual 4.3.4: Min dan Sisihan Piawai Mengikut Jenis Sekolah	104
Jadual 4.3.5: Min dan Sisihan Piawai Mengikut Kedudukan Sekolah	105
Jadual 4.3.6: Min dan Sisihan Piawai Mengikut Kelayakan Akademik	105
Jadual 4.3.7: Min dan Sisihan Piawai Mengikut Pengalaman Mengajar	106
Jadual 4.4.1: Min dan Sisihan Piawai Item Soalan Aspek Pengetahuan	107
Jadual 4.4.2: Min dan Sisihan Piawai Item Soalan Aspek Kemahiran	108
Jadual 4.4.3: Min dan Sisihan Piawai Item Soalan Aspek Sikap	109
Jadual 4.4.4: Min dan Sisihan Piawai Item Soalan Aspek Minat	110
Jadual 4.4.5: Min dan Sisihan Piawai Item Soalan Aspek Kesediaan	111
Jadual 4.5.1: Ujian-t Tahap Signifikan Kesediaan Guru Berdasarkan Jantina	112
Jadual 4.5.2: Min dan Sisihan Piawai Mengikut Umur	113
Jadual 4.5.3: Ujian ANOVA Mengikut Umur	113
Jadual 4.5.4: Keputusan Ujian <i>Post Hoc Scheffe</i> Mengikut Umur	114
Jadual 4.5.5: Min dan Sisihan Piawai Mengikut Etnik	115
Jadual 4.5.6: Ujian ANOVA Mengikut Etnik	115
Jadual 4.5.7: Keputusan Ujian <i>Post Hoc Scheffe</i> Mengikut Umur	116

Jadual 4.5.8: Tahap Kesediaan Guru Berdasarkan Jenis Sekolah	117
Jadual 4.5.9: Tahap Kesediaan Guru Berdasarkan Kedudukan Sekolah	117
Jadual 4.5.10: Min dan Sisihan Piawai Mengikut Pengalaman	118
Jadual 4.5.11: Ujian ANOVA Mengikut Pengalaman	118
Jadual 4.5.12: Keputusan Ujian <i>Post Hoc Scheffe</i> Mengikut Pengalaman	119
Jadual 4.5.13: Ujian ANOVA Mengikut Akademik	120
Jadual 4.5.14: Keputusan Ujian <i>Post Hoc Scheffe</i> Mengikut Akademik	120
Jadual 4.5.15: Ujian Korelasi Aspek Pengetahuan dengan Tahap Kesediaan Guru	121
Jadual 4.5.16: Ujian Korelasi Aspek Kemahiran dengan Tahap Kesediaan Guru	122
Jadual 4.5.17: Ujian Korelasi Aspek Sikap dengan Tahap Kesediaan Guru	123
Jadual 4.5.18: Ujian Korelasi Aspek Minat dengan Tahap Kesediaan Guru	124
Jadual 4.6: Ujian Korelasi Untuk Semua Aspek	125

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.10: Kerangka konseptual Kajian	27
Rajah 2.5.1: Model Kesediaan HPHP	53
Rajah 3.6: Prosedur Kajian	86
Rajah 4.2.1: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Jantina	95
Rajah 4.2.2: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Etnik	96
Rajah 4.2.3: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Umur	97
Rajah 4.2.4: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Jenis Sekolah	98
Rajah 4.2.5: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Kedudukan Sekolah	99
Rajah 4.2.6: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Kelayakan Akademik	100
Rajah 4.2.7: Frekuensi dan Peratusan Mengikut Pengalaman Mengajar	101

SENARAI SINGKATAN

PIPP	- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
GTP	- <i>Government Transformation Programme</i>
NKRA	- <i>National Key Result Areas</i>
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
KBSR	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KSSR	- Kurikulum Standard Sekolah rendah
TKSR	- Transformasi Kurikulum Sekolah Rendah
PPPM	- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
FPK	- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
BPK	- Bahagian Perkembangan Kurikulum
UPSR	- Ujian Penilaian Sekolah Randah
PSM	- Persatuan Sejarah Malaysia
KT	- Kajian Tempatan
Prof	- Profesor
Dr	- Doktor Falsafah
II	- Dua
Sek	- Sekolah
Ren	- Rendah
Jen	- Jenis
Keb	- Kebangsaan
C	- Cina

I	-	India
%	-	Peratus
6+	-	Di Atas Enam
11+	-	Di Atas Sebelas
3M	-	Membaca, Menulis dan Mengira
SGM	-	Standard Guru Malaysia
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
PDP	-	Pengajaran Dan Pembelajaran
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
Y.B	-	Yang Berhormat
TMK	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Bil.	-	Bilangan
R1	-	Tahap Kesediaan 1
R2	-	Tahap Kesediaan 2
R3	-	Tahap Kesediaan 3
R4	-	Tahap Kesediaan 4
HPHP	-	<i>High Performing, High Poverty</i>
et al	-	dan Semua yang terlibat
FPG	-	Falsafah Pendidikan Guru
DV	-	<i>Dependent Variable</i>
IV	-	<i>independent variable</i>
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah

EMIS	-	<i>Education Management Information System</i>
TMK	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
KPS	-	Kemahiran Pemikiran Sejarah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPS	-	Jabatan Pelajaran Sabah
XBA	-	Kod Sekolah Kebangsaan
XCA	-	Kod Sekolah Kebangsaan
XCC	-	Kod Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
S	-	Sampel
P	-	Populasi
ICT	-	<i>Information and Communication Technology</i>
SPSS	-	<i>Statistical package for Social Science</i>
MIN	-	Min
F	-	Frekuensi
r	-	Kolerasi Signifikan
N	-	Bilangan
n	-	Bilangan
M	-	Min
SD	-	Sisihan Piawai
SK	-	Sekolah kebangsaan
SJK	-	Sekolah Jenis Kebangsaan
S.P	-	Sisihan Piawai
t	-	Skor Min Signifikan untuk ujian-t

- p** - Signifikan
- F** - Skor Min Signifikan untuk ANOVA
- >** - Lebih Besar
- <** - Lebih Kecil
- Sig** - Signifikan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman	
Lampiran A	Borang Soal Selidik	170
Lampiran B	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Kementerian Pelajaran Malaysia	175
Lampiran C	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Jabatan Pelajaran Sabah	176
Lampiran D	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2 Tahun 2013	177
Lampiran E	Draf Huraian Sukatan Mata Pelajaran Sejarah Darjah 4	187



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Demi memartabatkan pendidikan negara, dapat dilihat sorotan sejarah pendidikan negara telah melalui pelbagai peringkat. Perkembangan pendidikan di Malaysia jelas menunjukkan perbandingan yang ketara dalam hala tuju dan falsafah pendidikan era sebelum merdeka dan pasca merdeka sehingga lahir dasar pendidikan negara iaitu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik serta penumpuan kepada perpaduan negara ke arah mewujudkan generasi berilmu, berbudaya maju, berteknologi tinggi dan berketerampilan. Di bawah pimpinan Perdana Menteri Malaysia melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), kementerian telah menjalankan pelbagai transformasi dalam bidang pendidikan.

Negara kini telah memasuki persaingan global dalam bidang pendidikan dengan pelbagai anjakan paradigma untuk menjadikan pendidikan negara lebih relevan dengan tuntutan dan keperluan semasa hasil daripada pelaksanaan transformasi pendidikan. Berpandukan artikel KPM, sistem pendidikan Malaysia berada pada kedudukan ke-14 secara keseluruhannya dan tangga kedua di Asia Tenggara. Kualiti pendidikan peringkat rendah negara berada di tangga ke-21 mendahului Brunei Darussalam, Amerika Syarikat, Filipina dan Thailand. (Artikel KPM: Pencapaian Malaysia Dalam Indeks Persaingan Global Dalam Bidang Pendidikan; 18 Mei 2012).

Perancangan sistematik dan berterusan ini bermula dan diterjemahkan melalui penghasilan *Blueprint* Pelan Pembangunan Pendidikan 2000-2010, diikuti dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP) diperkenalkan untuk memartabatkan

hala tuju dan falsafah pendidikan di negara Malaysia. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 telah dirangka untuk melaksanakan dan merealisasikan satu sistem pendidikan yang holistik, progresif, bermoral dan bertaraf dunia.

Pada peringkat ini, hala tuju pendidikan negara lebih bersifat untuk melahirkan masyarakat yang mampu bersaing di peringkat global berdasarkan kepada falsafah pendidikan yang dicanangkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Di samping itu, melalui Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) diperkenalkan dengan memberi fokus kepada memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan.

Langkah KPM menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai subjek wajib lulus pada tahun 2012 di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilihat sangat signifikan dalam konteks semasa. Seterusnya menjadikannya sebagai subjek teras untuk sekolah rendah mulai 2016. Hal ini selaras dengan transformasi dalam sistem pendidikan negara dengan perubahan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011. Secara tidak langsung memartabatkan lagi kedudukan mata pelajaran ini di kaca mata masyarakat. Shakila Yacob (2010) melihat langkah mewajibkan mata pelajaran Sejarah ini bertujuan untuk memartabatkan ilmu Sejarah di Malaysia, menonjolkan kepentingan dan kerelevanannya ilmu sejarah dalam setiap aspek kehidupan rakyat Malaysia dan memperkasakan legasi sejarah Malaysia yang mencerminkan kepelbagaiannya masyarakat selari dengan perjuangan Satu Malaysia.

Sebagai kesinambungan kepada laporan-laporan dan pelan-pelan terdahulu, maka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah dihasilkan dan dilancarkan. Pelan ini merupakan suatu usaha transformasi pendidikan yang menyeluruh, komprehensif, telus dan demokratik. Mengambil kira semua pandangan dari pelbagai pihak tanpa mengira kedudukan sosioekonomi, latar belakang pendidikan, pandangan politik, serta kajian-kajian dari institusi penyelidikan dan pakar-pakar tempatan dan antarabangsa.

Seiring dengan itu, kurikulum yang lebih tertumpu kepada masa depan adalah wajar dibentuk sehingga membawa kepada transformasi kurikulum baharu dengan memperkenalkan mata pelajaran Sejarah. Mata pelajaran Sejarah